

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HKN 101 – Puitika Dan Konvensi Dalam Kesusasteraan
Nusantara**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Pemahaman tentang sistem kesusasteraan sesuatu bangsa perlu dilihat melalui perspektif bangsa yang berkenaan. Bincangkan pandangan di atas dalam konteks kepentingan kajian puitika Melayu dari sudut sejarah dan budaya Melayu.
2. *Sementara itu saya ingin menganggap teks sebagai sesuatu yang lebih besar, yang lebih menyeluruh, yang bukan sahaja mencakupi permulaan, badan dan akhiran cerita, tetapi segalanya yang dipersembahkan dalam ritual-ritual yang mengiringi cerita itu, seperti “makan pinang”, “makan sirih”, beserta mentera yang dibacakan, seni suara, batil/belanga, topeng-topeng pengisahan dan juga gerak tunjuk dan isyarat.*

(Muhammad Haji Salleh)

Bincangkan petikan di atas dengan mengambilkira unsur-unsur utama yang membina makna teks lisan dalam konteks masyarakat Melayu tradisional sebagaimana tergambar di dalam buku **Puitika Melayu: Suatu Pertimbangan** hasil tulisan Muhammad Haji Salleh.

3. Bincangkan unsur keindahan akal dan budi masyarakat Melayu dalam konvensi penciptaan pantun Melayu.
4. Pemerian sesuatu peristiwa di dalam cerita penglipurlara sering dibuat secara besar-besaran dan berlebih-lebihan. Berdasarkan contoh peristiwa-peristiwa yang bersesuaian, bincangkan kewajaran hal berkenaan dengan memperlihatkan tujuan penutur cerita berbuat demikian dalam memenuhi tuntutan khalayak.
5. Percintaan wira dan wirawati merupakan salah satu unsur keindahan yang penting dalam karya roman. Bincangkan pandangan di atas dengan mengambil contoh sebuah roman panji Melayu yang bersesuaian.
6. Umumnya karya epik menampilkan keunggulan wira nasional bagi masyarakat yang melahirkannya. Bincangkan penampilan Hang Tuah sebagai wira unggul masyarakat Melayu sebagaimana tergambar di dalam **Hikayat Hang Tuah**.
7. Braginsky menggolongkan karya sastera bercorak sejarah dalam Sfera Faedah kerana fungsi karya yang memberi keindahan pemikiran yang bersifat dalaman. Bincangkan pandangan Braginsky di atas dengan mengambil contoh-contoh peristiwa yang terdapat di dalam **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Raja Pasai**.
8. Karya kesusasteraan bercorak kerohanian menampilkan ciri-ciri puitika yang berteraskan Alam Tinggi. Berdasarkan karya **Ruba'i Hamzah Fansuri**, bincangkan kepentingan unsur simbolisme dalam memaparkan keindahan Alam Tinggi berkenaan.